



TEKS UCAPAN

YB MENTERI KANAN KERJA RAYA

BERSEMPENA SESI PERJUMPAAN BERSAMA EDITOR

MEDIA NEGERI SARAWAK

PADA 19 DISEMBER 2020 (SABTU)

BERTEMPAT DI HOTEL WATERFRONT, KUCHING,

SARAWAK.

PENDAHULUAN

Assalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Tengahari dan Salam Sarawakku Sayang.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kesemua pengarang, pengamal media dan media sosial yang hadir pada majlis perjumpaan bersama Editor Media Sarawak pada hari ini. Saya amat terharu dengan kehadiran tuan puhan semua untuk bersama-sama dengan saya pada hari ini, walaupun dalam kesibukan tugas harian sebagai pengamal media.

2. Pada kebiasaananya, Kementerian Kerja Raya (KKR) menganjurkan Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya dan Anugerah Media Pembinaan CIDB setiap tahun. Namun berikutan penularan pandemik COVID-19

dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita tidak dapat mengadakan majlis serupa pada tahun ini.

3. Majlis ringkas yang mematuhi SOP norma baharu pada hari ini adalah sebagai tanda simbolik penghargaan kepada rakan media yang merupakan rakan strategik KKR sejak sekian lama. Saya berharap hubungan baik antara KKR dan agensi media di Sarawak ini akan terus kukuh dan utuh. Besar harapan saya agar Tuan/Puan dapat membantu KKR menghebahkan informasi penting kepada rakyat berkaitan inisiatif KKR, bersesuaian dengan motto KKR “Ke Arah Kesejahteraan Rakyat”.
4. Saya memohon maaf kerana kita tidak dapat menjemput kesemua rakan media untuk majlis pada hari ini. Selari dengan norma baharu kita perlu mengehadkan bilangan jemputan. Bersama-sama kita mendoakan semoga keadaan negara pulih segera daripada penularan pandemik COVID-19 ini.

BELANJAWAN 2021: PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK

Rakan-rakan media yang saya kasihi sekalian,

5. Belanjawan 2021, sekali lagi membuktikan Kerajaan Persekutuan sangat prihatin akan masa depan Sarawak. Tahun 2021 menandakan bermulanya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan bagi mencapai aspirasi Sarawak menjadi negeri berpendapatan tinggi sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, hala tuju pembangunan strategik dirumus dengan mengambil kira Strategi Pemulihan Ekonomi 2030 pasca COVID-19.

6. Secara keseluruhan KKR telah menerima peruntukan sebanyak RM7.38 bilion bagi tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.26 bilion adalah di bawah bajet mengurus dan RM6.088 bilion adalah di bawah bajet

pembangunan. Bagi negeri Sarawak, sebanyak RM99.45 juta telah diperuntukkan bagi membiayai projek pembangunan di bawah peruntukan pembangunan.

7. Belanjawan kali ini juga menyaksikan komitmen kerajaan dalam meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dan Sarawak. Selain daripada peruntukan masing-masing RM1 bilion untuk LPB Sabah dan Sarawak, satu lagi Pakej Kerja untuk projek LPB Sabah iaitu Pakej Serusop ke Pinturu yang merupakan “*missing link*” sepanjang 21 km akan turut dilaksanakan dalam masa terdekat. Projek LPB Sabah dan Sarawak, mencatatkan kemajuan terkini sebanyak 43 peratus bagi negeri Sabah dan 58 peratus bagi negeri Sarawak setakat ini.
8. Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dijangka siap sepenuhnya pada 2022 seperti mana yang dijadualkan,

manakala Lebuhraya Pan Borneo Sabah pula dijangka siap pada 2023.

9. Sebagaimana kita semua sedia maklum, penularan COVID-19 telah membataskan pergerakan antara kawasan dan memberikekangan kepada bilangan pekerja yang boleh bertugas, selain gangguan bahan-bahan mentah ke tapak.
10. Bagi mempercepatkan pelaksanaan dan penyiapan projek LPB Sabah dan Sarawak, kerajaan telah melantik Project Management Consultant (PMC) untuk memudahcara dan membantu JKR Sabah dan Sarawak dalam pengurusan dan pelaksanaan projek. Bagi memastikan kesinambungan kepakaran teknikal dan pengalaman yang diperlukan, PMC akan disyaratkan untuk melantik kakitangan PDP yang berkelayakan dalam pelaksanaan projek LPB.

11. Selain daripada Projek Lebuhraya Pan Borneo, antara projek – projek insfrastruktur lain bagi negeri Sarawak di bawah KKR adalah seperti berikut:
- i. Jambatan Sungai Merapok, Jalan Lawas – Merapok, Bahagian Limbang (RM500 ribu)
 - ii. Jambatan Sungai Maragang, Jalan Lawas-Merapok, Bahagian Limbang (RM500 ribu)
 - iii. Jambatan Sg. Gaya, Jalan Lawas-Merapok, Bahagian Limbang (RM250 ribu)
 - iv. Projek Sarawak – Sabah Link Road (RM25 juta)
 - v. Menaiktaraf Laluan 8101 Jalan Datuk Musa dari KM8 Ke Bulatan G3, Kota Samarahan (RM25 juta)
 - vi. Pembinaan jalan akses ke kawasan selatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak (RM18 juta)
 - vii. Pembinaan flyover Jalan Medan Jaya - Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu (RM15 juta)
 - viii. Membina Flyover Jalan Medan Jaya - Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu - Kerja-kerja awalan dan rekabentuk (RM3.5 juta)
 - ix. Penggantian jambatan yang melibatkan axle load, sempit dan uzur (RM 3 juta)

- x. Naiktaraf Jalan Bintulu ke Samalaju dari Simpang Nyabau ke Simpang Bakun (RM1.5 juta)
12. Belanjawan 2021 juga turut memberi fokus kepada projek-projek pembangunan infrastruktur berikut:
- i. Menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 50 buah sekolah daif dengan kos sebanyak RM725 juta.
 - ii. Projek Infrastruktur di Kawasan Perindustrian Samalaju, Sarawak di bawah SCORE.
 - iii. Menaik taraf infrastruktur air, elektrik, dan jalan raya, kemudahan kesihatan dan pendidikan (RM4.52 bilion).
13. KKR juga komited memastikan kemudahan jalan raya di seluruh negara disenggara secara optimum. Bagi negeri Sarawak sebanyak RM70 juta diperuntukkan untuk penyenggaraan berkala pavemen dan sebanyak RM4 juta berkala bukan pavemen bagi Jalan Persekutuan.

INDUSTRI PEMBINAAN – PASCA COVID -19

Rakan-Rakan Media sekalian,

14. Industri pembinaan dilihat kembali rancak semula selepas suku ke tiga tahun ini. Namun begitu, perjalanan industri ini pastilah tidak lagi sama selepas berlaku pandemik COVID-19. Faktor ini adalah kerana industri ini tidak terkecuali wajib untuk mematuhi norma baharu yang ditetapkan kerajaan bagi membendung penularan wabak ini.
15. KKR menerusi Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) telah melaksanakan pemeriksaan pematuhan SOP COVID-19 yang melibatkan 7,956 tapak pembinaan di seluruh negara.

16. Status terkini pemeriksaan pematuhan SOP Pembinaan sehingga 9 Disember 2020, menunjukkan sebanyak 7,482 tapak pembinaan iaitu 96% mematuhi SOP dan dibenarkan beroperasi. Manakala, sejumlah 156 tapak pembinaan didapati tidak mematuhi SOP dan tidak dibenarkan beroperasi.

17. Bagi negeri Sarawak pula sebanyak 764 tapak pembinaan dibenarkan beroperasi, manakala, 4 tapak pembinaan melanggar SOP dan tidak dibenarkan beroperasi.

18. Dalam situasi negara yang masih berdepan dengan penularan COVID-19, saya amat berharap peruntukan signifikan dapat disediakan untuk penggunaan teknologi dalam industri pembinaan. Ini penting supaya pergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan. Selain itu, dengan penggunaan teknologi baharu negara kita mampu bersaing maju selaras dengan Revolusi 4.0. Adaptasi melalui teknologi

IR4.0 seperti robotik, automosi, data raya, internet kebendaan (IOT), realiti maya (VR) dan kecerdasan buatan (AI) adalah amat penting untuk menjadikan negara kita pesat dan maju ke hadapan.

19. Sejajar dengan dasar oleh KKR ke arah pendigitalan sektor pembinaan, Kementerian juga berharap dapat mengukuhkan lagi penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS), Building Information Modelling (BIM) dan Pre-Approved Plan (PAP) dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan dan swasta, iaitu memenuhi aspirasi digariskan dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 dan Dasar Pembinaan Kebangsaan (NCP) 2030 yang bakal dilancarkan nanti. Ini juga selari dengan Teras – Teras RMKe-12.

PENUTUP

Rakan-Rakan Media Sekalian,

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyampaikan hasrat saya agar Tuan/Puan memainkan peranan dalam menangani penyebaran berita palsu berkenaan dasar kerajaan terutama menerusi saluran media sosial.
21. Saya juga berharap majlis ini dilihat sebagai medium untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, saling kenal mengenali, bertukar– tukar fikiran dan mengembangkan idea bagi mengenalpasti pendekatan yang lebih berkesan dalam usaha KKR berhadapan dengan cabaran pada masa kini.
22. Akhir sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kesemua pengamal media dan media sosial khususnya di Sarawak yang sentiasa memberi kerjasama baik kepada saya, kementerian dan agensi.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.